

## Fatwa Mufti Mekah Mengharamkan Loteri

Mufti Makkah al-Mukarramah Syed ‘Alawī bin ‘Abbās al-Malikī telah memfatwakan haramnya loteri masyarakat yang diterbitkan atas pertanyaan Shaykh ‘Abd al-Qādir ‘Abd-Muṭṭalib al-Mandīlī. Fatwa itu tersiar dengan bercetak di dalam dua bahasa Arab dan Melayu. Naskah Melayu adalah diterjemahkan oleh penanya sendiri. Fatwa ini disertai pula dengan persetujuan beberapa ulama Mekah yang memberi tanda-tanda tangan mereka pada naskah-naskah fatwa itu. Kandungan fatwa itu kita peturunkan di bawah ini tidak mengubah gaya terjemahannya:

### Pertanyaan:

Apa kata kamu? – mudah mudahan berkekalan kelebihan kamu – pada barang yang menamakan mereka itu akan dia dengan (loteri kebajikan) dengan bahasa Melayu, dan maknanya dengan bahasa Arab (*al-Yānaṣīb al-Khayrī*), dan iaitu bahawa enam puluh peratus daripada segala yang dapat harga tiket-tiketnya dibelanjakan pada pekerjaan-pekerjaan yang bangsa kebajikan dan lainnya, seperti mendirikan masjid-masjid dan sekolah-sekolah dan rumah-rumah anak yatim dan seperti mendirikan gereja-gereja dan tempat-tempat ibadat bagi orang-orang yang menyembah berhala, dan yang tinggal bagi sekalian yang mengerjakan akan segala pekerjaan loteri dan sekalian yang menang, adakah yang demikian itu daripada judi yang diharamkan atau tiada? Dan apa hukum mereka yang berfatwa dengan harusnya? Dan adakah wajib atas sekalian yang menang memulangkan akan barang yang mengambil mereka itu akan dia, jika biasa dipulangkan? Dan sebagai penyudah silakan oleh kamu dengan menerimakan membesarkan yang wajib dan akan menghormati yang mati yang tinggi dan terima kasih yang banyak bagi kamu.

Daripada murid kamu

‘Abd al-Qādir ‘Abd-Muṭṭalib al-Mandīlī

### Jawab:

Segala puji bagi Allah yang meilhamkan akan yang betul dan selawat dan salam atas penghulu kita Nabi Muhammad dan sekalian keluarga dan sahabat. Wahai! Tuhanku! Tambah oleh-Mu akan daku ilmu.

Apabila ada kelakuan barang yang disebut pada soal daripada bertanya daripada hukum loteri yang dinamakan pada sisi orang Jawi dengan (loteri kebajikan) dengan bahasa Melayu, maka berkata aku: Ketahuilah olehmu bahawasanya yang demikian itu haram kerana barang yang lagi akan datang:

(1) Yang pertama bahawasanya yang demikian itu daripada judi, kerana bahawasanya (judi itu) yang berulang alik antara untung (menang) dan rugi (kalah) dan iaitu haram kerana barang yang padanya daripada makan harta manusia dengan batil: dan ini ertinya: loteri bersetuju atasnya kaedah judi (ertinya masuk ia dalam takrif judi). Telah firman Allah Ta‘ālā: (*yā ayyuha al-ladhīna āmanū innama al-khamru wa al-maysir wa al-anṣāb wa al-azlām rijisu min ‘amali al-shayṭān fa ajtanibūhu la‘allakum tuflīḥūn*). Ertinya: wahai sekalian mereka yang beriman! Hanya sanya arak dan judi dan berhala dan anak-anak panah yang dipakai menengok

nasib kaji dibilang cemar daripada pekerjaan syaitan  
maka jauhkan oleh kamu akan dia supaya mendapat  
kemenangan oleh kamu.

(2) Bahawasanya loteri semua haram, maka perkataan  
yang bertanya (loteri kebajikan) batil (tiada terpakai) kerana  
tiada ada kebajikan pada loteri, dan yang haram semuanya  
kejahatan. Maka betapa dituntut supaya kepada amal-amal  
kebajikan dengan yang haram, dan bahawasanya Allah Ta'ālā  
baik tiada menerima ia melainkan yang halal, dan bahawasanya  
yang keji tiada menghapus ia akan yang keji. Amboi  
eloknya perkataan orang yang berkata:

Aduhai perempuan yang memberi makankan anak-anak yatim  
daripada kepenatan farajnya bagi engkau celaka jangan engkau  
berzina dan jangan engkau bersedekah.

(3) Yang ketiga bahawasanya yang diharam yang bangsa  
syarak tiada bersalah-salahan hukumnya sekalipun bersalah-salahan  
namanya. Dan sesungguhnya telah datang pada hadith oleh  
bahawasanya setengah daripada alamat-alamat hampir hari kiamat bahawa  
diminum akan arak dan dinamakan akan dia dengan yang lain  
daripada namanya, maka judi ialah loteri ialah yang dinamakan  
(loteri kebajikan) dengan bahasa Melayu, dan berbilang-bilang  
nama-nama tiada mengubah ia akan yang empunya nama.

Dan adapun pertanyaan daripada hukum mereka yang  
berfatwa dengan harusnya maka jika ada ia halal bagi  
berfatwa maka ia bersalah, dibilangkan ini fatwa  
tergelincir, orang alim tiada harus mengikutnya  
padanya beramal dengan dia, dan wajib atas alim ulama  
bahawa meliarkan mereka itu akan manusia daripada  
itu, supaya tiada tertipu dakwa dengan dia oleh orang-orang  
yang jahil, maka jatuh mereka itu di dalam kesesatan

kerana berpegang atas fatwanya, dan hendaklah takut akan  
Allah Ta'ālā ini orang yang berfatwa dan hendaklah  
menyelidiki ia pada fatwanya dan minta ampun ia akan  
Allah Ta'ālā. Jika ada ia yang berfatwa itu ketiadaan ahli  
bagi berfatwa maka diajar adab akan dia dan takzir  
akan dia, kerana bahawasanya mengkerabat pangkat yang bangsa  
syarak yang tiada sampai ia akan dia.

Dan adapun perkataan yang berkata: Adakah wajib  
atas sekalian yang menang memulangkan akan barang yang mengambil  
mereka itu akan dia kepada sekalian yang empunya jika boleh  
memulangkan? Maka bermula jawabnya: Bahkan wajib atas  
sekalian yang menang memulangkan barang yang mengambil mereka itu  
akan dia kepada sekalian empunya. Dan yang demikian itu  
kerana bahawasanya Allah Ta'ālā menyuruh ia akan sekalian  
yang makan riba dengan memulangkan barang yang lebih atas modal  
kepada sekalian yang empunya. Maka firman Allah Ta'ālā:

*(fa in tubtum falakum ru'ūs amwālukum lā tazlamūn  
wa lā tuzlamūn)*. Dan yang wajib atas ini perkumpulan  
atau syirik kembali kepada Allah Ta'ālā (ṭayyibāt) dan  
terhenti daripada loteri yang ia judi yang diharamkan,  
dan bahawa tiada menjadikan mereka itu akan yang haram  
menyampaikan kepada mengerjakan kebajikan, kerana bahawasanya yang  
halal itu nyata dan yang haram itu nyata, dan segala  
kebijakan didasarkan akan bina-binanya atas takwa daripada  
Allah Ta'ālā dan keredaan, tiada atas tepi tebing yang runtuh.  
Akan bahawasanya yang demikian itu wasilah kepada menghalalkan  
segala yang haram. Dan barang yang tumbuh daripada yang haram  
maka api neraka lebih utama dengan dia, dan wajib atas  
sekalian pemerintah mengambil atas segala tangan mereka itu  
mengerjakan mereka itu akan permainan loteri yang membuat

(sambungan pada muka 41)

timbulnya puisi campuran dengan isi lagunya yang mengandung cinta murni bukan akibat lirik Arab, istimewa lirik Andalusia.

Tentang soalan ini sarjana Perancis Peiris<sup>1</sup> telah mengarang sebuah buku, dan baharu-baharu ini juga sarjana bangsa Tesih<sup>2</sup>, Naikel<sup>3</sup> (“Hispano – Arab Puteri”) Naikel menarik kesimpulan bahawa, selain dari isi puisi tersebut, bentuk adalah kedudukan yang menentukan sewaktu terciptanya puisi – campuran di Perancis, berhubung dengan adanya saling pengaruh antara kebudayaan Sepanyol – Islam, Sepanyol – Nasrani dan Perancis pada tahun-tahun sebelum 1100. Saya kutip di bawah ini kata penutup dalam buku tersebut: “puisi adalah hakikat sejarah dan kebudayaan manusia”

Memang mungkin perkembangan pasaran kapal terbang dan tempat pemisah kimia tak memberi kelulusan dan kesempatan bagi studi-studi kemanusiaan, namun, merapatkan sesama manusia hanyalah jiwa, keindahan dan budi yang dapat melaksanakannya.

Bukunya yang membuktikan ini dengan tepat, menghormati satu kebudayaan yang baharu sekurun dipelajari dan yang tambah dikagumi. Setelah Wegeres<sup>4</sup> dan Hogeblüh<sup>5</sup> dan kemudian Dozi<sup>6</sup> mengemukakan seni sastera al-Andalusia dalam terjemahan dari tahun 1831, terbukalah bagi kita kesempatan untuk menyaksikan betapa besarnya warisan yang harus diteruskan oleh manusia dewasa ini kepada manusia esok dan betapa banyaknya kita harus memakai

Hampir Siap:
PERSURATAN MELAYU III
\$6.00 sa-naskhah
Penerbitan Qalam:


<sup>1</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.  
<sup>2</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.  
<sup>3</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.  
<sup>4</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.  
<sup>5</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.  
<sup>6</sup> Perkataan tidak dapat dikenalpasti.

keadaan tinggi jika kita sekarang hendak mengkaji tentang kebudayaan.

Dinding-dinding Alhambra, di sekeliling pencuran-pancuran air, terukir sajak-sajak Wāzīr ibn Zamrak, salah satu penyair terbesar dalam bahasa Arab, salah satu orang Sepanyol terakhir yang menulis dalam bahasa Arab.

Dan di sanalah muncul sepanjang masa penyair-penyair lain, dan di sanalah meninggal Federico Garcia Lorca yang ciptaannya berakar di Andalus.

Tak jauh dari situ Raja Sabela, mustāmīd, menyair dan ke sebelah utara penyair dan Raja Nasrani Alfonso kemudian mendirikan Univeristi Salamanca, memerintahkan terjemahan tafsir Qur’an dan buku-buku pengetahuan Arab. Mereka adalah beberapa dari tokoh-tokoh yang sekian banyak dalam pertumpahan yang mengatasi perjuangan dan perang saudara.



(sambungan daripada muka 8)

hilah mereka itu bagi makan harta manusia dengan batil.  
Dan bermoral ini nasihatku, *wa shallā Allāhu ‘alā saydīnā Muḥammad wa ālihi wa ṣahbihi wa sallam*

Tanda tangan yang berfatwa:

Syed ‘Alwī ibn ‘Abbās al-Mālikī.

Tanda tangan guru-guru yang bersetuju dengan ini fatwa:

Husin Sa‘id Yamani

Muhammad Nur ibn Sayāf

Muhammad al-‘Arabi

Zakaria Abdullah Bila

Husin Muhammad Īsa Padang

Abdullah Lihaji

Pakda Wan Ismail bin Abdul Kadir al-Fatani.